

Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah

Farah Aziana Abdul Aziz, Fadzilah Abd Rahman* & Shamsudin Othman

Jabatan Pendidikan Bahasa dan Kemanusiaan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan salah satu elemen penting yang ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi meningkatkan kualiti pendidikan negara setanding negara lain. Kebanyakan guru bahasa Melayu menghadapi masalah melaksanakan strategi pengajaran KBAT dengan jelas dalam PdPc. Sehubungan itu, kajian tentang strategi penerapan KBAT ini dilaksanakan agar ketepihan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran KBAT secara sistematis dapat ditingkatkan. Kajian ini menggunakan kaedah perhatian langsung terhadap pengajaran guru di dalam bilik darjah, temu bual separa struktur dan analisis dokumen. Secara khusus kajian ini merangkumi empat objektif utama, iaitu menghuraikan strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran menulis di Sekolah Rendah Agama Integrasii Selangor pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kes dan enam orang sampel kajian dipilih daripada tiga buah sekolah SRAI berlainan yang mengajar bahasa Melayu Tahun 5, merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Teori Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl (2001) dan Model Pengajaran Robert Glaser (1962) digunakan bagi menjawab setiap persoalan dalam kajian ini. Dapatkan kajian menunjukkan daripada 28 strategi KBAT, 14 strategi penerapan KBAT berlaku dalam PdPc kemahiran menulis. Hasil kajian menunjukkan keenam-enam peserta kajian menjalankan pengajaran KBAT bermula dengan penentuan objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada murid, penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai dan aktiviti penilaian dalam kapasiti pelaksanaan aktiviti KBAT yang berbeza.

Kata Kunci: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Strategi Penerapan, Kemahiran Menulis, Teori Taksonomi

ABSTRACT

Higher Order Thinking Skills (HOTS) is one of the key elements that was emphasized in the Malaysia Education Blueprint (MEB) 2013-2025 to improve the quality of Malaysian education to make comparable with developed countries. However, most Malay language teachers are facing problems in implementing a clear HOTS strategy in teaching and learning (PdPc). In this regard, the study on HOTS implementation strategy was conducted so that the visibility of systematic HOTS teaching and learning implementation could be improved. Specifically, this study covers four main objectives, which are to describe the implementation strategies of HOTS in teaching and learning (PdPc) writing skills in Selangor Integrated Primary Religious School at the levels of applying, analyzing, evaluating and creating. The researchers used the case study research design and six respondents were chosen from three different Integrated Religious Schools, where they teach standard 5 Malay language, covering both urban and rural areas. Direct observation of teachers teaching in the Malay language classroom, semi-structured interviews and document analyses were used in this study. Anderson and Krathwohl Bloom's Taxonomy Theory Revised (2001) and Robert Glaser's Teaching Model (1962) were used to answer each question in this study. The findings showed that out of 28 HOTS strategies, 14 of them occurred in teaching and learning (PdPc) Malay language writing skills. The results reported that all six participants conducted HOTS teaching with the determination of the teaching objectives, students existing knowledge, the use of appropriate HOTS teaching methods and the assessment activities in the capacity of implementation of different HOTS activities.

Keywords: Higher Order Thinking Skills, Implementation Strategies, Writing Skills, Taxonomic Theory

* Corresponding author: dzila@upm.edu.my
eISSN: 2462-2079 © Universiti Putra Malaysia Press

PENGENALAN

Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) merupakan sebahagian manifestasi pendidikan yang mementingkan kemahiran berfikir. Kemahiran berfikir merupakan teras pembelajaran yang melibatkan proses mental atau pencetus idea dalam sesuatu PdPc (Hasnah Isnun & Jamaludin Badusah, 2017). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menjelaskan kemahiran berfikir merupakan satu keperluan murid untuk setanding dan berdaya saing di peringkat global. Sekiranya kemahiran berfikir diperhebatkan di dalam bilik darjah, ia berupaya menjadi aset kecemerlangan dalam pencapaian murid (Nooriza Kassim & Effandi Zakaria, 2015). Oleh itu, semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak terutamanya guru-guru perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran dalam PdPc kemahiran berfikir selaras dengan keperluan abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013; Nawi Ismail, 2014).

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan tuntutan dalam perkembangan pendidikan Malaysia mengikut trend masa kini bagi melahirkan generasi berfikir pada aras tinggi. Pelaksanaan KBAT di Malaysia didorong oleh desakan kemerosotan pencapaian Malaysia dalam ujian peringkat global seperti PISA dan TIMSS kesan daripada kelemahan pelajar yang kebanyakannya menguasai tahap pemikiran memahami dan mengingat sahaja. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merupakan rentetan usaha kerajaan melahirkan generasi berfikir di luar kotak setelah Kemahiran Berfikir Kreatif dan Kritis (KBKK) dilaksanakan. Di Malaysia, kemahiran berfikir ditekankan sejak tahun 1994 lagi dan penekanan terhadap KBAT dilakukan setelah Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) pada tahun 2011 diperkenalkan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Berdasarkan Semakan Taksonomi Bloom pada tahun 2001, KBAT merujuk empat tahap pemikiran teratas, iaitu aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta manakala KBAR merangkumi aras pemikiran memahami dan mengingat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014; Wan Nor Shairah Sharuji & Norazah Mohd Nordin, 2017). KBAT membolehkan seseorang berfikir secara kritis dan inovatif, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dalam aktiviti rutin dan bukan rutin, memahami, menganalisis dan memanipulasikan sesuatu maklumat secara terperinci berbeza dengan KBAR yang melibatkan aktiviti rutin sahaja (Nawi Ismail, 2014). Oleh itu, strategi penerapan KBAT guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran menulis murid sekolah rendah akan dilihat pada empat aras pemikiran tinggi secara khusus.


Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Pelaksanaan penerapan KBAT dalam mata pelajaran Bahasa Melayu telah lama diperkenalkan namun tidak diberi penekanan sewajarnya kerana terdapat segelintir guru tidak menerapkan KBAT dalam pengajaran mereka (Awangku Yusran Pengiran Yussof, 2013). Hal ini disokong dengan kajian Nasyimah Ismail dan Zamri Mahamod (2016), menjelaskan penerapan KBAT masih kurang memberangsangkan berikutan kelemahan guru menerapkan soalan aras tinggi dalam proses PdPc bagi menguji tahap kemahiran berfikir murid. Hal ini disokong oleh Nasyimah Ismail & Zamri Mahamod (2016), menyatakan guru yang mempunyai kemahiran mantap dalam bidang pengajaran akan melaksanakan proses pengajaran lebih berkesan. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan strategi penerapan KBAT dalam kalangan guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran menulis dengan lebih berkesan dan lancar.

Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) penting bagi melancarkan proses pengajaran agar lebih bermakna dan teratur. Strategi PdP bukan sahaja dilihat dari sudut kebijaksanaan merancang, mengatur kaedah, teknik dalam PdPc malah merangkumi pemilihan pendekatan atau teknik berdasarkan objektif pembelajaran, penggunaan bahan pelajaran mengikut keperluan, kesesuaian setiap kaedah, teknik mengajar, pendekatan dan strategi sesuai (Nur Aida Muhammad, 2016).

Terdapat lima strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa ditekankan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu (2016), iaitu strategi berdasarkan Prinsip 5P, pendekatan berpusatkan murid, pendekatan tematik, kepelbagaiaan kaedah dan teknik dan kepelbagaiaan sumber bahan. Rajah 1 menunjukkan strategi prinsip 5P merangkumi strategi penggabungan, penerapan, penilaian, pemulihan dan pengayaan.





RAJAH 1: Strategi Prinsip 5P
Sumber: DSKP Bahasa Melayu (2016, ms 15-22)

Strategi penerapan prinsip 5P dipilih kerana berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Penaksiran (2016), kemahiran berfikir merupakan salah satu nilai tambah yang diserap dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang membolehkan murid menguasai kemahiran bersepadu menerusi pengalaman pembelajaran bahasa. Oleh itu, strategi penerapan sesuai digunakan dalam kajian ini bagi melihat strategi penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis guru bahasa Melayu.

Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Dalam konteks kajian ini, pembahagian kemahiran berfikir yang dicerap dalam keempat-empat aras KBAT ini dibuat berdasarkan pengelasan yang telah dinyatakan oleh beberapa orang sarjana. Antaranya ialah Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014), Awangku Yusran Pengiran Yussof (2013), Mohd Nasruddin Basar dan Siti Halimah Md Yassin (2012), Noor Rohana Mansor (2010) dan Fadzil Jusoh (2009). Kepelbagaiannya strategi penerapan ini diperlihatkan dalam Rajah 2 yang berikut.





JADUAL 1
Kategori Kemahiran Berfikir Aras Tinggi

Aras Pemikiran KBAT	Kemahiran yang Dicerap	Kemahiran yang Diaplifikasi
Mencipta	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat kesimpulan • Merumus, meringkas • Meramal • Menjana idea • Menginterpretasikan • Membuat keputusan • Menyusun semula 	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat kesimpulan • Merumus, meringkas • Meramal • Menjana Idea
Menilai	<ul style="list-style-type: none"> • Mensintesis • Menilai • Mengenal pasti fakta dan pendapat • Mengesahkan kecondongan pendapat • Membuat keputusan • Menghubungkait • Menginterpretasikan, Mentafsir 	<ul style="list-style-type: none"> • Membezakan fakta dengan pendapat • Mensintesis • Mengenal pasti idea utama dan idea sokongan • Meniliai • Mengenal pasti fakta dan pendapat • Mengesahkan Kecondongan pendapat • Mengitlk • Membuat keputusan • Menghubungkait • Menginterpretasikan, mentafsir • Membuat urutan

Menganalisis	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat gambaran mental • Mengelaskan, pengumpulan, mengkategorikan • Membuat hipotesis • Membanding dan membeza • Menyusun atur • Menganalisis • Mengenal pasti sebab dan akibat • Membuat inferens • Membuat hubungan dan kaitan • Membuat kesimpulan • Mentafsir • Membuat urutan • Memberi pendapat dan fakta • Menguji kebenaran 	<ul style="list-style-type: none"> • Mencirikan • Mengelaskan, mengumpulkan, mengkategorikan • Membuat hipotesis • Membanding membeza • Menyusun atur • Menganalisis • Mengenal pasti sebab dan akibat • Membuat Inferens • Membuat kaitan dan perhubungan • Mengenal pasti kenyataan benar atau palsu
Mengaplikasi	<ul style="list-style-type: none"> • Menyelesaikan masalah • Membuat rumusan • Membuat inferens • Membuat keputusan 	<ul style="list-style-type: none"> • Menyelesaikan masalah • Membuat analogi • Membuat gambaran mental

Jadual 1 menunjukkan pandangan beberapa orang sarjana mengenai pembahagian kemahiran berfikir yang dicerap pada aras mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Berdasarkan pandangan berikut, pengkaji telah merangkumkan kemahiran berfikir yang diaplikasikan mengikut aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta berdasarkan kekerapan pandangan sarjana. Kemahiran berfikir yang diaplikasi pada aras pemikiran mengaplikasi terdiri daripada kemahiran menyelesaikan masalah, membuat analogi dan membuat gambaran mental. Manakala, kemahiran berfikir yang diaplikasi pada aras pemikiran menganalisis terdiri daripada mencirikan, mengelaskan, mengumpulkan, mengkategorikan, membuat hipotesis, membanding dan membeza, menyusun atur, menganalisis, mengenal pasti sebab dan akibat, membuat inferens, membuat kaitan dan perhubungan dan mengenal pasti kenyataan benar atau palsu. Kemahiran berfikir yang diaplikasi pada aras pemikiran menilai terdiri daripada membezakan fakta dengan pendapat, mensintesis, mengenal pasti idea utama dengan idea sokongan, menilai, mengenal pasti fakta dan pendapat, mengesan kecondongan pendapat, mengitik, membuat keputusan, menghubungkait, menginterpretasikan, mentafsir dan membuat urutan. Seterusnya, kemahiran berfikir yang diaplikasi pada aras pemikiran mencipta pula terdiri daripada membuat kesimpulan, merumus, meringkas, meramal dan menjana idea.

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Kemahiran Menulis


Berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (2016) dan Tuan Jah Tuan Yusof (2014), pada peringkat sekolah rendah, pembelajaran Bahasa Melayu lebih tertumpu pada kemahiran literasi dan aplikasi bahasa manakala pada tahap II, murid sekolah rendah perlu memberi penekanan kepada pengukuhan dan aplikasi terhadap keempat-empat kemahiran bahasa tersebut.

Kajian berkaitan pengajaran KBAT dalam kemahiran bahasa secara umumnya telah banyak dilaksanakan. Namun, konteks kajian terdahulu berbeza dengan kajian ini kerana pengkaji akan meneroka penerapan KBAT pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam PdPc kemahiran menulis. Kajian-kajian terdahulu menjelaskan secara umum tentang penerapan KBAT dalam keempat-empat kemahiran bahasa. Misalnya, kajian Hasnah Isnon & Jamaludin Badusah (2017) berkaitan penerapan KBAT secara umum dalam keempat-empat kemahiran bahasa.

Penguasaan KBAT melibatkan jangka masa yang panjang untuk dikuasai berbanding dengan penguasaan kemahiran atau ilmu dalam mata pelajaran yang boleh dikuasai melalui pengalaman strategi penerapan KBAT bersesuaian dalam PdPc (Ab Halid Zakaria & Jamaludin Badusah, 2014). Justeru, penerapan KBAT dilatih sejak awal, iaitu pendidikan rendah lagi bagi memudahkan proses penerimaan di peringkat lebih tinggi serta dapat meminimumkan kekeliruan murid terhadap penerapan KBAT dalam PdPc (Aini Yuzie Mohd Arshad, 2016). Strategi penerapan KBAT dapat berjalan lancar sekiranya guru mempunyai pengetahuan luas tentang KBAT dan faham cara menerapkan KBAT dalam subjek yang diajar (Shamsuddin Muhammad & Ruzlan Md. Ali, 2016). Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada strategi penerapan KBAT khusus dalam pengajaran kemahiran menulis.

Teori Taksonomi Edisi Anderson dan Krathwohl (2001)

Taksonomi Bloom mempunyai pelbagai variasi sejak ianya diperkenalkan pada tahun 1956. Taksonomi Bloom yang sering diguna pakai adalah dikemaskinikan oleh bekas murid Bloom sendiri, iaitu Loren Anderson pada tahun 2001. Perbezaan ketara di antara kedua-dua taksonomi ini adalah penggunaan kata kerja bagi taksonomi baru untuk memperlihatkan proses pemikiran yang lebih aktif.



RAJAH 3: Taksonomi Bloom (2001)
(Sumber: Wan Nor Shairah Sharji & Norazah Mohd Nordin, 2017)

Berpandukan kepada taksonomi Bloom baru dalam Rajah 3, aras bawah taksonomi itu menyediakan tapak bagi pembelajaran kemahiran berfikir bagi aras yang lebih tinggi. Aras mengingat, memahami dan mengaplikasi membentuk hubungan bagi kemahiran berfikir aras tinggi yang berada pada aras atas. Teori Kognitif Semakan Anderson dan Krathwohl telah diperkenalkan pada tahun 2001 dan teori ini merupakan teori yang diubah suai daripada teori asal, iaitu Teori Taksonomi Bloom (1956) bersesuaian dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Mengikut semakan Anderson dan Krathwohl, mereka membahagi enam tahap kognitif kepada dua aras, iaitu aras rendah yang dikenali dengan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) yang merangkumi tiga tahap pemikiran ke bawah dan aras tinggi yang dikenali sebagai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) yang merangkumi tiga tahap pemikiran ke atas.

Teori Taksonomi Bloom Semakan Anderson dan Krathwohl (2001) digunakan sebagai panduan aras pemikiran manusia yang terdiri daripada enam aras, iaitu aras memahami, mengingat, mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Berdasarkan teori ini, di Malaysia KBAR merangkumi aras pemikiran memahami dan mengingat manakala KBAT merangkumi aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Oleh itu, kajian ini melihat strategi penerapan KBAT dalam kalangan guru bahasa Melayu pada empat aras pemikiran dalam kemahiran menulis.


Model Pengajaran Robert Glaser (1962)

Model pengajaran Robert Glaser (1962) merupakan model yang menyediakan garis panduan kepada guru membentuk struktur pengajaran bersesuaian dalam sesuatu PdPc (Das, 2007; Suziana Sulaiman, 2012). Penggunaan model ini, membantu guru untuk lebih mudah merancang proses pengajaran dan penyediaan bahan pengajaran menerapkan kemahiran berfikir. Berpandukan model pengajaran ini, strategi pengajaran guru akan lebih berkesan dan teratur.

Model pengajaran ini terbahagi kepada empat pecahan, iaitu objektif khusus pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar, kaedah pengajaran dan penilaian prestasi pelajar. Model ini menekankan respon pelajar dalam sesuatu proses PdPc. Menurut Robert Glaser, proses pengajaran mesti dimulakan dengan menentukan objektif pengajaran yang sesuai. Objektif pengajaran mesti menerangkan apa yang ingin dicapai oleh guru selepas proses pengajaran berlaku dan biasanya merujuk kepada perubahan tindak balas pelajar, perolehan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran pelajar. Objektif pengajaran guru harus selari dan sesuai dengan pengetahuan sedia ada pelajar.

Pengetahuan sedia ada merujuk kepada kebolehan intelek pelajar, aras motivasi pelajar, aras sosial dan budaya pelajar. Berdasarkan pengetahuan sedia ada pelajar, guru akan membentuk objektif pengajaran sesuai dan melaksanakan rancangan mengajarnya. Komponen terakhir yang ditekankan dalam model ini ialah penilaian, yang merujuk kepada penaksiran hasil pencapaian terhadap proses pengajaran yang telah dijalankan merangkumi penilaian terhadap objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada pelajar dan kaedah pengajaran yang dilaksanakan. Penilaian dapat dilaksanakan dengan cara menjalankan aktiviti soal jawab, pemerhatian terhadap hasil pembelajaran, pelaksanaan ujian secara formal dan ujian tidak formal. Penggunaan pelbagai model pengajaran oleh guru dapat meningkatkan keberkesanan terhadap proses PdPc pada masa akan datang dan melaksanakan proses pengajaran dengan lebih berkesan (Joyce, Weil dan Calhoun, 2011; Suziana Sulaiman, 2012).

RAJAH 4: Model Pengajaran Robert Glaser (1962)



(Sumber: Suziana Sulaiman, 2012)

Berdasarkan Model Pengajaran Robert Glaser (1962) dalam Rajah 4, kemahiran berfikir aras tinggi diterapkan bermula dengan proses menetapkan objektif pengajaran berunsur KBAT berdasarkan pengetahuan sedia ada murid. Guru boleh mengetahui tahap pengetahuan murid dengan bertanyakan soalan berunsur KBAT yang terkandung dalam sukatuan pelajaran Bahasa Melayu. Guru akan menyesuaikan dengan kaedah pengajaran bersesuaian mengikut tahap pengetahuan KBAT murid dan membuat penilaian menerusi pemerhatian, soal jawab, ujian secara formal ataupun ujian secara tidak formal untuk menilai keberkesanannya strategi penerapan KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan berdasarkan kaedah pengajaran yang digunakan. Dalam kajian ini, objektif pengajaran guru, pengetahuan sedia ada murid, kaedah pengajaran yang diaplikasikan dan penilaian mestilah dilakukan berdasarkan aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

TUJUAN KAJIAN

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengkaji tentang strategi penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran kemahiran menulis guru bahasa Melayu Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan strategi penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis daripada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan aras pemikiran mencipta dalam kalangan guru bahasa Melayu di SRAI Selangor.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang dipilih dan digunakan dalam kajian ini adalah kaedah tinjauan berbentuk deskriptif. Kaedah tinjauan merupakan satu kaedah yang mudah dan popular yang sering dilakukan dalam mengkaji tentang sesuatu perkara yang berlaku. Kajian kes digunakan dalam kajian ini bagi membantu pengkaji memahami sesuatu fenomena secara terperinci dan mendalam serta menambahkan ilmu sedia ada dengan melihat hubungan antara pelbagai objek, elemen dan isu-isu sebaliknya berkaitan dengan fenomena yang diteliti (Noriah Mohd. Ishak et al., 2013). Oleh itu, penggunaan kaedah kajian kes membolehkan pengkaji mencungkil, merungkai dan meneroka strategi penerapan KBAT yang dijalankan oleh guru bahasa Melayu dalam PdPc kemahiran menulis secara mendalam dan terperinci menerusi pemerhatian secara langsung di dalam bilik darjah (Noraini Idris, 2013; Jiani Jaman, 2015).

Bagi mengetahui strategi penerapan KBAT dalam pengajaran kemahiran menulis guru bahasa Melayu di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor, pengkaji menjalankan pemerhatian secara langsung bagi melihat strategi penerapan KBAT yang diaplikasikan oleh guru bahasa Melayu, kaedah pengajaran KBAT yang digunakan, bahan bantu yang digunakan sepanjang PdPc berlangsung dan hasil kerja murid yang berkaitan. Melalui pemerhatian tersebut, pengkaji memperoleh data dengan jelas dan terperinci tentang strategi penerapan KBAT yang dilaksanakan oleh guru dalam PdPc kemahiran menulis.

Populasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan enam orang peserta kajian. Peserta kajian dinamakan sebagai peserta kajian 1 (PK1), peserta kajian 2 (PK2), peserta kajian 3 (PK3), peserta kajian 4 (PK4), peserta kajian 5 (PK5) dan peserta kajian 6 (PK6) bagi menjaga kerahsiaan identiti peserta kajian. Sampel kajian terdiri daripada guru bahasa Melayu yang mengajar Bahasa Melayu Tahun 5 di Sekolah Rendah Agama Integrasi Selangor. Guru bahasa Melayu yang mengajar murid Tahun 5 dipilih kerana murid pada tahap dua dikatakan mempunyai penguasaan yang kukuh dan mampu mengaplikasikan kemahiran bahasa dalam PdPc bahasa Melayu (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, 2016). Oleh itu, kajian ini memberi fokus kepada guru yang mengajar Tahun 5 bagi mengelakkan daripada mengganggu sesi pembelajaran murid Tahun 6. Latar belakang peserta kajian sebenar diperoleh melalui borang demografi yang diedarkan dan temu bual separa struktur yang dilaksanakan. Profil keenam-enam peserta kajian adalah seperti dalam Jadual 2:

JADUAL 2
Profil Peserta Kajian

Peserta Kajian	Umur (Tahun)	Bidang Pengajaran	Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Bahasa Melayu	Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tahun 5
PK1	47	Pengurusan Pendidikan	8 Tahun	5 Tahun
PK2	42	Pengurusan Pendidikan	6 Tahun	2 Tahun
PK3	50	Bahasa Arab	20 Tahun	1 Tahun
PK4	40	Bahasa Melayu	10 Tahun	2 Tahun
PK5	36	Pendidikan Islam	7 Tahun	4 Tahun
PK6	43	Pendidikan Islam	20 Tahun	14 Tahun

Kajian ini menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*), iaitu berdasarkan pertimbangan pengkaji daripada aspek pengetahuan dan tujuan kajian yang dijalankan (Noraini Idris, 2013). Sampel yang dipilih mesti dalam kelompok bidang yang sama seperti yang dikehendaki dalam kajian, boleh memberi data dengan jelas, boleh mewakili dan dapat memberikan gambaran yang tepat tentang strategi penerapan KBAT dalam pengajaran guru bahasa Melayu. Kebanyakkannya guru bahasa Melayu yang mengajar di SRAI merupakan guru bukan opsyen dan tahap pencapaian bahasa Melayu peserta kajian dilihat paling minimum pada Sijil Pelajaran Malaysia. Dalam kajian kualitatif, perkara yang di nilai ialah pemahaman tentang sesuatu isu yang dikaji dan kualiti sampel kajian yang digunakan bukan di nilai berdasarkan kuantiti sampel yang digunakan dalam menjalankan kajian ini (Pranee Liamputtung, 2014).

Kajian ini memilih sekolah rendah sebagai tempat kajian kerana menurut Shamilati Che Seman et al. (2017), penerapan kemahiran berfikir aras tinggi perlu diterapkan semasa sekolah rendah lagi mengikut perkembangan dan keperluan semasa. Tambahan pula, penerapan KBAT pada peringkat sekolah rendah adalah masa yang terbaik sebagai asas kepada penerapan KBAT di peringkat pengajaran yang lebih tinggi.

Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan satu kaedah pengumpulan data utama, iaitu kaedah pemerhatian secara langsung dan dua kaedah pengumpulan data sokongan, iaitu kaedah temu bual separa struktur dan analisis dokumen. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji menggunakan instrumen borang senarai semak pemerhatian, soalan temubual separa struktur dan bahan dalam PdPc kemahiran mendengar dan bertutur seperti berikut:

1. Bahagian A: Pemerhatian secara langsung (strategi penerapan KBAT). Bahagian A adalah bahagian untuk mendapatkan maklumat tentang strategi penerapan KBAT yang dijalankan oleh guru bahasa Melayu Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor melibatkan pemerhatian terhadap penerapan 28 elemen KBAT, kaedah pengajaran dan penilaian pengajaran KBAT yang dijalankan oleh keenam-enam peserta kajian.
2. Bahagian B: Pada bahagian B, soalan temubual separa struktur digunakan bagi mendapatkan maklumat latar belakang setiap peserta kajian dan pengetahuan sedia ada KBAT murid dalam setiap sesi PdPc kemahiran menulis yang dijalankan. Hasil temubual yang diperolehi dapat membantu pengkaji memantapkan data kajian pemerhatian secara langsung yang dijalankan dalam kajian ini.
3. Bahagian C: Bahagian ini merujuk kepada bahan edaran yang digunakan, hasil kerja murid dan rancangan pengajaran harian guru (RPH) bagi setiap sesi PdPc KBAT yang dijalankan oleh keenam-enam peserta kajian dalam pengajaran kemahiran menulis. Berdasarkan dokumen-dokumen tersebut membolehkan

pengkaji mengukuhkan data dapatan kajian yang diperolehi menerusi pemerhatian secara langsung terhadap keenam-enam peserta kajian.

Analisis Data

Dalam kajian ini, data kajian diperoleh daripada pemerhatian secara langsung, temubual separa struktur dan dokumen-dokumen berkaitan dianalisis mengikut 28 elemen KBAT yang terbahagi kepada empat aras pemikiran KBAT, iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. Analisis data pemerhatian dilakukan berdasarkan rakaman video yang diperolehi menerusi pemerhatian di dalam bilik darjah ke atas sampel kajian. Analisis data temu bual dilakukan mengikut tahap pengetahuan murid dan kesesuaian kaedah pengajaran peserta kajian yang dijalankan menerusi audio yang ditranscripkan dan bagi analisis dokumen pula dilakukan berdasarkan rancangan mengajar harian (RPH) guru, bahan bercetak mengajar dan hasil kerja murid mengikut tema yang telah ditetapkan berdasarkan Teori Taksonomi Semakan Anderson dan Krathwohl (2001). Menerusi kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen yang dijalankan, empat elemen penting dalam proses PdPc dikenal pasti, iaitu objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada murid, kaedah pengajaran dan penilaian yang dilakukan oleh keenam-enam responden kajian.

DAPATAN KAJIAN

Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri daripada enam orang guru bahasa Melayu yang mengajar di SRAI Selangor. Kesemua guru bahasa Melayu yang terlibat mengajar Tahun 5 daripada pelbagai kelas.

JADUAL 3

Maklumat Kelas yang Diperhatikan

Peserta Kajian	Kelas Tahun 5 Yang Diperhatikan
PK 1	Pandai, Sederhana
PK 2	Lemah
PK 3	Pandai
PK 4	Sederhana
PK 5	Pandai, Lemah
PK 6	Sederhana

Data yang dikumpul melibatkan pelbagai kelas supaya dapat membantu pengumpulan maklumat yang berbeza berkaitan persoalan kajian seperti dalam Jadual 3.

Teori dan Model Pengajaran

Analisis data kajian tentang “Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor” satu teori dan model pengajaran digunakan, iaitu Teori Taksonomi Semakan Anderson dan Krathwohl (2001) dan Model Pengajaran Robert Glaser (1962). Teori Taksonomi Semakan Anderson dan Krathwohl (2001) digunakan bagi melihat penerapan KBAT yang berlaku pada aras pemikiran mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta dalam PdPc kemahiran menulis. Berdasarkan Teori Taksonomi Semakan Anderson dan Krathwohl (2001), strategi penerapan KBAT oleh keenam-enam responden dilihat pada 28 elemen KBAT yang dibahagikan kepada empat aras pemikiran tinggi dalam pengajaran kemahiran menulis di bilik darjah.

Manakala, Model Pengajaran Robert Glaser (1962) digunakan bagi mengukur strategi penerapan KBAT responden dalam PdPc kemahiran menulis. Berdasarkan model ini, strategi pengajaran KBAT guru bahasa Melayu di SRAI dilihat menerusi objektif pengajaran KBAT guru, pengetahuan sedia ada murid tentang KBAT, kaedah pengajaran dan penilaian KBAT yang dilaksanakan oleh keenam-enam peserta kajian dalam PdPc kemahiran menulis. Jelasnya, Teori Taksonomi Semakan Anderson dan Krathwohl (2001) dan Model Pengajaran Robert Glaser (1962) diaplikasikan semasa menganalisis data kajian yang diperoleh.

Strategi Penerapan KBAT dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Pada Aras Pemikiran Mengaplikasi

Berdasarkan dapatan kajian, responden menerapkan kemahiran menyelesaikan masalah, iaitu menyelesaikan masalah membina ayat lengkap dengan membulatkan aktiviti dalam grafik, membina ayat menggunakan watak, membina pendahuluan karangan berfakta berdasarkan maklumat yang disediakan, membina sebuah karangan berfakta dan membina ayat menggunakan formula wak+suka berdasarkan gambar rajah dalam PdPc kemahiran menulis.

Manakala, penerapan kemahiran membuat gambaran mental pula ialah membuat gambaran mental tentang aktiviti ketika berada di kampong halaman dan kelengkapan keselamatan bagi sesuatu sukan atau permainan yang dipilih. Jadual 5 merupakan pelaksanaan strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran menulis guru bahasa Melayu SRAI di Selangor:

JADUAL 4

Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam PdPc Kemahiran Menulis Aras Mengaplikasi

Aras Pemikiran KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	Kategori Penerapan KBAT
Mengaplikasi	Menyelesaikan Masalah Kemahiran Membuat Gambaran Mental	Menyelesaikan masalah membina ayat lengkap dengan membulatkan aktiviti yang terdapat dalam grafik yang diedarkan Menyelesaikan masalah membina ayat lengkap menggunakan watak Menyelesaikan masalah membina pendahuluan karangan berfakta berdasarkan olahan daripada teks yang disediakan Menyelesaikan masalah dalam membina sebuah karangan jenis fakta Menyelesaikan masalah membina ayat dengan menggunakan formula “wak+suka” berdasarkan gambar Membuat gambaran tentang aktiviti ketika berada di kampung halaman Membuat gambaran tentang kelengkapan keselamatan bagi sesuatu aktiviti sukan atau permainan yang dipilih

Dapat disimpulkan bahawa hanya strategi penerapan kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat gambaran mental yang berlaku dalam PdPc kemahiran menulis.

Strategi Penerapan KBAT dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Pada Aras Pemikiran Menganalisis

Pada aras pemikiran menganalisis, respondan hanya menerapkan kemahiran mengelaskan, mengumpulkan, mengkategorikan, menganalisis dan mengenal pasti kenyataan benar atau palsu. Walau bagaimanapun, hasil daptaran kajian mendapat hanya seorang peserta kajian menerapkan kemahiran mengelaskan, mengumpulkan dan mengkategorikan, seorang peserta menerapkan kemahiran menganalisis dan dua peserta kajian menerapkan kemahiran mengenal pasti kenyataan benar atau palsu dalam PdPc kemahiran menulis.

Strategi penerapan kemahiran mengelaskan, mengumpulkan dan mengkategorikan yang dijalankan ialah mengelaskan aspek keselamatan ketika bermain bola jaring yang terdapat dalam pantun. Penerapan kemahiran menganalisis pula ialah menganalisis kata kunci yang terdapat pada jawapan diolah tersebut dalam membina soalan tanya yang sesuai. Penerapan kemahiran mengenal pasti kenyataan benar atau palsu yang dijalankan ialah mengenal pasti ayat yang dibina oleh murid di papan putih betul atau salah. Jadual 5 merupakan pemaparan perlaksanaan strategi penerapan KBAT pada aras pemikiran menganalisis:

JADUAL 5

Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam PdPc Kemahiran Menulis Aras Menganalisis

Aras Pemikiran KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	Kategori Penerapan KBAT
Menganalisis	Menganalisis	Menganalisis kata kunci yang terdapat pada jawapan dialog tersebut dalam membina soalan tanya yang sesuai
	Kemahiran Mengelaskan, Mengumpulkan, Mengkategorikan	Mengelaskan, mengumpul, mengkategorikan aspek keselamatan ketika bermain Bola Jaring yang terdapat dalam pantun
	Kemahiran Mengenal Pasti Kenyataan Benar dan Palsu	Mengenal pasti ayat yang dibina oleh murid di papan putih hadapan betul ataupun salah

Dapat dilihat bahawa hanya strategi penerapan kemahiran mengelaskan, mengumpulkan, mengkategorikan, menganalisis dan mengenal pasti kenyataan benar atau palsu yang berlaku dalam PdPc kemahiran menulis pada aras menganalisis.

Strategi Penerapan KBAT dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Pada Aras Pemikiran Menilai

Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden hanya menerapkan kemahiran mengenal pasti idea utama dan idea sokongan, mengenal pasti fakta dan pendapat dan menginterpretasi, mentafsir. Berdasarkan dapatan kajian, hanya seorang peserta kajian menerapkan kemahiran mengenal pasti fakta dan pendapat, seorang peserta kajian menerapkan kemahiran menginterpretasi, mentafsir dan seorang peserta kajian menerapkan kemahiran mengenal pasti idea utama dan ide sokongan dalam PdPc kemahiran menulis (Jadual 6).

JADUAL 6

Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam PdPc Kemahiran Menulis Aras Menilai

Aras Pemikiran KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	Kategori Penerapan KBAT
Menilai	Kemahiran Mengenal Pasti Idea Utama dan Idea Sokongan	Mengenal pasti idea sokongan tentang ciri-ciri murid cemerlang
	Kemahiran Menginterpretasi, Mentafsir	Mentafsir maksud setiap rangkap pantun
	Kemahiran Mengenal Pasti Fakta dan Pendapat	Mengenal pasti fakta berkaitan gaya hidup sihat melalui poster yang diedarkan

Penerapan kemahiran mengenal pasti fakta dan pendapat yang dijalankan oleh responden ialah mengenal pasti fakta berkaitan gaya hidup sihat melalui poster yang diedarkan. Manakala, penerapan kemahiran menginterpretasi, mentafsir yang dijalankan ialah mentafsir maksud setiap rangkap pantun. Seterusnya, penerapan kemahiran mengenal pasti kenyataan benar atau palsu yang dijalankan oleh guru bahasa Melayu ialah mengenal pasti ayat yang dibina oleh murid di papan putih sama ada betul atau salah.

Strategi Penerapan KBAT dalam Pengajaran Kemahiran Menulis Pada Aras Pemikiran Mencipta

Dapatan kajian mendapati, responden menerapkan kemahiran menjana idea dan tidak menerapkan kemahiran membuat kesimpulan, merumus, meringkas dan meramal pada aras pemikiran mencipta dalam PdPc kemahiran menulis. Hasil dapatan kajian mendapati keenam-enam peserta kajian menerapkan kemahiran menjana idea dalam PdPc kemahiran menulis.

Penerapan kemahiran menjana idea yang dijalankan oleh responden dalam PdPc kemahiran menulis pada aras mencipta ialah menjana idea dengan mengembangkan potongan cerita menjadi sebuah ulasan, membina lima ayat lengkap berdasarkan bahan edaran, membina pendahuluan dan menyenaraikan maklumat tersurat dan tersirat, membina ayat berdasarkan kata kerja tak transitif, kata kerja transitif kata kerja pasif, membina ayat kata seru dan kata ganda pelbagai, membina sebuah ulasan menggunakan lima jejari penanda wacana, menyenaraikan panduan keselamatan ketika berada di jalan raya, dan membina ayat tanya berdasarkan gambar dan kata tanya yang telah ditetapkan. Jadual 7 merupakan strategi penerapan KBAT pada aras pemikiran mencipta dalam PdPc kemahiran menulis.

JADUAL 7

Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam PdPc Kemahiran Menulis Aras Mencipta

Aras Pemikiran KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi	Kategori Penerapan KBAT
Mencipta	Menjana Idea	Menjana idea dengan mengembangkan potongan cerita menjadi sebuah ulasan lengkap.
		Menjana idea dengan maklumat yang disediakan menjadi sebuah ulasan lengkap
		Menjana idea membina lima ayat lengkap berdasarkan bahan edaran dan tema yang ditetapkan
		Menjana idea dengan membina pendahuluan dan menyenaraikan maklumat tersurat dan tersirat bagi ulasan tersebut
		Menjana idea dengan membina ayat berdasarkan kata kerja imbuhan apitan dan kata adjektif
		Menjana idea dengan membina ayat berdasarkan kata kerja tak transitif, kata kerja transitif dan kata kerja pasif
		Menjana idea dengan membina ayat berdasarkan kata seru dan kata ganda pelbagai

	Menjana idea membina sebuah ulasan menggunakan formula lima jejeri penanda wacana
	Menjana idea dengan menyenaraikan panduan keselamatan ketika berada di jalan raya
	Menjana idea membina ayat tanya berdasarkan gambar dan kata tanya yang telah ditetapkan

Dapat disimpulkan bahawa hanya strategi penerapan kemahiran menjana idea yang berlaku dalam PdPc kemahiran menulis.

KESIMPULAN

Hasil kajian mendapati bahawa hanya sembilan strategi penerapan KBAT yang dilaksanakan daripada 28 strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran menulis. Pada peringkat pemikiran mengaplikasi, strategi penerapan KBAT dilaksanakan dalam kemahiran menyelesaikan masalah dan membuat gambaran mental manakala kemahiran membuat analogi tidak dilaksanakan. Pada peringkat pemikiran menganalisis pula, strategi penerapan KBAT berlaku dalam kemahiran mengelaskan, mengumpulkan dan mengkategorikan, menganalisis, dan mengenal pasti kenyataan benar dan palsu. Manakala, kemahiran mencirikan, membuat hipotesis, membanding membeza, menyusun atur, mengenal pasti sebab dan akibat, membuat inferens dan membuat kaitan dan perhubungan tidak berlaku. Pada peringkat pemikiran menilai pula, strategi penerapan KBAT berlaku dalam kemahiran mengenal pasti idea utama dengan idea sokongan, mengenal pasti fakta dan pendapat dan menginterpretasi, mentafsir. Namun, kemahiran membezakan fakta dan pendapat, mensintesis, menilai, mengesan kecondongan pendapat, mengitik, membuat keputusan, menghubungkait dan membuat urutan tidak berlaku dalam PdP. Pada aras pemikiran mencipta pula hanya berlaku dalam kemahiran menjana idea dan tidak berlaku dalam kemahiran membuat kesimpulan, merumus, meringkas dan meramal. Jelasnya, sembilan strategi penerapan KBAT yang dilaksanakan dalam PdPc kemahiran menulis adalah seperti yang terdapat dalam Jadual 8 berikut:

JADUAL 8

Pelaksanaan Strategi Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam PdPc Kemahiran Menulis

Aras Pemikiran KBAT	28 Strategi Penerapan KBAT	Kemahiran Menulis
Mengaplikasi	Menyelesaikan Masalah Membuat Gambaran Mental Membuat Analogi	/ / X
Menganalisis	Mencirikan Mengelaskan, Mengumpulkan, Mengkategorikan Membuat Hipotesis Membanding Membeza Menyusun Atur Menganalisis Mengenal Pasti Sebab dan Akibat Membuat Inferens Membuat Kaitan dan Perhubungan Mengenal Pasti Kenyataan Benar atau Palsu	X / X X X X / X X X X X X /
Menilai	Membezakan Fakta dan Pendapat Mensintesis Mengenal Pasti Idea Utama dengan Idea Sokongan Menilai Mengenal Pasti Fakta dan Pendapat Mengesan Kecondongan Pendapat Mengitik Membuat Keputusan Menghubungkait Menginterpretasikan, Mentafsir Membuat Urutan	X X / X X / X X X X X X / X
Mencipta	Membuat Kesimpulan Merumus, Meringkas Meramal Menjana Idea	X X X /

Sebagai kesimpulan, pelaksanaan strategi penerapan KBAT dalam PdPc kemahiran menulis guru Bahasa Melayu SRAI adalah pelbagai. Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, responden menerapkan strategi pengajaran KBAT yang agak terhad kepada kaedah latih tubi, sumbang saran, perbincangan dan penerangan. Manakala, penilaian KBAT dilakukan berdasarkan hasil kerja murid dan ujian tidak formal. Hal ini

menunjukkan perlunya latihan dan pendedahan yang maksimum terhadap strategi penerapan KBAT dalam kalangan guru-guru berkaitan di samping faktor keperluan memilih guru option Bahasa Melayu bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

RUJUKAN

- Ab. Halid Zakaria, & Jamaludin Badusah. (2014). Penerapan Kemahiran Bernilai Tambah dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah. Dalam Zamri Mahamod *et al.* (Pnyt.). *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu dan Kesusastraan Melayu Kali Ketiga*, 81–94. Bangi: Penerbit Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aini Yuzie Mohd Arshad. (2016). *Penambahbaikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Melalui Pembelajaran Berasaskan Masalah Bagi Subjek Sains Tingkatan 2*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Awangku Yusran Pengiran Yussof. (2013). *Kemahiran Berfikir Menggunakan Kaedah Penyoalan dalam Pengajaran Fahaman* (Pertama). Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2014). Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Aplikasi di Sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004> (Diakses 24 Mei 2018).
- Das, R.C. (2007). *Science Teaching In Schools*. New Delhi: Sterling Publisher.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran. (2016). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1–50.
- Fadzil Jusoh. (2009). *Peranan Minda dalam Kemahiran Berfikir*. (T. Sulaiman & A. Hassan, Eds. Pertama. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hasnah Isnnon, & Jamaludin Badusah. (2013). Pencapaian Bahasa Melayu yang rendah dalam kalangan calon Penilaian Menengah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56–65. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004> (Diakses pada 20 Mei 2018).
- Hasnah Isnnon, & Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi Guru Bahasa Melayu dalam Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (Malay Language Teacher Competency to Implementation Higher Order Thinking Skill in Teaching and Learning). *Malay Language Education Journal – MyLEJ*, 7(1), 2180–4842. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/10413/1/133-256-1-SM.pdf> (Diakses pada 19 April 2018).
- Jiani Jaman. (2015). *Pelaksanaan Program Pemulihian Bahasa Melayu Sekolah Rendah dan Keberkesanan dalam Mengatasi Masalah Buta Huruf*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Joyce, B., Weil, M., & Calhoum, E. (2011). *Model of Teaching* (8th ed.). Boston: Allyn & Bacon.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Kurikulum Standard Sekolah Rendah, 1–56. Retrieved from www.moe.gov.my (Diakses pada 21 Mei 2018).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). Elemen KBAT dalam Pedagogi. Bahagian Pembangunan Kurikulum. <https://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2> (Diakses pada 4 April 2018).
- Mohd Nasruddin Basar, & Siti Halimah Md Yassin. (2012). *Kemahiran Berfikir*. (Ikhwan Ahmad Naim, Ed. Pertama). Balakong: Freemind Horizons Sdn. Bhd.
- Nasyimah Ismail, & Zamri Mahamod. (2016). Sikap dan Kesediaan Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran KOMSAS Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6(2), 59–67.
- Nawi Ismail. (2014). Peranan Guru dalam Merealisasi Pelan Pembangunan Pendidikan. *Pelita Bahasa*, Bil 2, 12–14.
- Noor Rohana Mansor. (2010). *Aras Kognitif Soalan*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Noraini Idris. (2013). *Penyelidikan dalam Pendidikan*, Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Noriah Mohd. Ishak, Siti Fatimah Mohd. Yassin, Mohd. Izham Mohd. Hamzah, & Siti Rahayah Ariffin. (2013). Kaedah Kajian Kualitatif. Dalam *Penyelidikan dalam Penyelidikan*, 345–370. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Nur Aida Muhammad. (2016). *Pengetahuan Guru Pendidikan Islam Mengenai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan Strategi Penerapannya dalam Pengajaran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pranee Liamputpong. (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif*. (Haliza Mohd Riji & Shamsuddin Ahmad, Eds. Ketiga). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Shamilati Che Seman, Wan Mazwati Wan Yusoff, & Rahimah Embong. (2017). Teachers Challenges in Teaching and Learning for Higher Order Thinking Skills (HOTS) in Primary School. *International Journal of Asian Social Science*, 7(7), 534–545. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2017.77.534.545> (Diakses pada 3 Mac 2018).
- Shamsuddin Muhammad, Ruzlan Md. Ali, S. N. I. (2016). Tahap Amalan Penerapan Kemahiran Pemikiran Kritis (KPK) di Sekolah Menengah Berprestasi Tinggi, Sederhana dan Rendah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 1 (October), 1–9. <https://doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.639> (Diakses pada 23 Jun 2018).
- Suziana Sulaiman. (2012). Tahap Penguasaan Proses Sains dan Sikap Guru Serta Halangan dalam Pengajaran Kemahiran Saintifik Bagi Mata Pelajaran Sains Pertanian. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Tuan Jah Tuan Yusof. (2014). *Kaedah Pengajaran Bahasa Melayu Sekolah Rendah* (kelima). Pusat Bandar Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Wan Nor Shairah Sharaji, & Norazah Mohd Nordin. (2017). Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Simposium Pendidikan*, 1(2017), 140–146.